

**PKR gesa suspek bunuh Altantuya ditahan
Malaysian Insider
Aug 30 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail perlu mendapatkan perintah tahanan reman suspek pembunuhan Altantuya Shariibuu, Cif Inspektor Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar dan bukan sekadar membuat rayuan, kata R Sivarasa.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR itu berkata, Abdul Gani sewajarnya merujuk kepada amalan guaman biasa iaitu Akta 88 dalam Perlembagaan Persekutuan dengan mendapatkan perintah tahanan reman sehingga keputusan rayuan seterusnya.

"Peguam Negara perlu menggunakan peruntukan sedia ada bagi mendapat perintah menahan tahanan. Hal ini penting. Kenapa tidak buat," kata ahli Parlimen Subang itu dalam satu sidang media di Ibu Pejabat PKR hari ini.

"Sekiranya mahkamah melihat ada kecurigaan bagi menjatuhkan hukuman, suspek perlu dibebaskan dengan ikat jamin.

"Mahkamah juga perlu menahan passport suspek bagi mengelak mereka lari ke luar negara dan supaya dapat menghadiri perbicaraan pada hari ditetapkan."

"Dengan terbebasnya dua suspek berkenaan, ini memberikan kebebasan kepada dua suspek berkenaan untuk melarikan diri," katanya.

Ahli Parlimen Subang itu menjelaskan kehadiran dua tertuduh itu penting bagi memastikan keputusan dapat dibacakan pada hari perbicaraan.

The Malaysian Insider melaporkan pada Isnin pihak pendakwaan mendapati hakim perbicaraan mengetahui wujudnya kepincangan dalam keseluruhan bukti akan tetapi mengharapkan Mahkamah Rayuan untuk menggunakan kuasa istimewa mereka untuk mengekalkan hukuman terhadap bekas polis Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar.

Sebaliknya, tiga panel hakim Mahkamah Rayuan mendapati kedua-dua tertuduh seharusnya dibebaskan diperingkat perbicaraan. Hakim-hakim itu mengatakan pihak pendakwaan sedar hakim perbicaraan telah gagal untuk menganalisis bukti semasa perbicaraan.

Pihak pendakwaan mahu Mahkamah Rayuan membetulkan kekeliruan untuk mengekalkan hukuman akan tetapi pihak hakim tidak berjaya diyakinkan untuk berbuat demikian.

Hakim Datuk Tengku Maimun Tuan Mat, yang menulis pendakwaan mengatakan pendakwaan menetapkan berlakunya pelbagai arahan daripada hakim perbicaraan, Mohd Zaki Md Yassin, dan menggesa tiga panel hakim menggunakan peruntukan dalam Akta Penghakiman Mahkamah 1964 untuk memperbetulkan kesalahan.

Beliau berkata mahkamah rayuan boleh menegakkan sabitan walaupun perbicaraan hilang arah. - 30 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-gesa-suspek-bunuh-altantuya-dita>

han